



Berikut adalah senarai kenyataan yang perlu dan tidak perlu dilakukan oleh pengendali vesel atau nelayan (end user) yang telah dipasang dengan Peralatan MTU yang terdiri dari dua (2) komponen iaitu Antena Satelit dan Kotak Utama serta pendawaiannya:-

No.	Perkara yang perlu dilakukan (Do)	Perkara yang dilarang (Don't)
<p><b>A. SAT Antena - D2 (Transceiver).</b></p> <p>1. Pastikan dipasang jauh dari halangan dan halangan dan menjaga kebersihan peralatan dari asap, lumut dan sebagainya serta perlu dilakukan setiap dua minggu sekali.</p> <p>2. Bagi mengelak berlaku ke karatan dibenarkan mengecat di bahagian besi atau tiang antena.</p>		<p>Tidak dibenarkan menutup bahagian atas antenna, membuat halangan dan dipasang berdekatan kurang dari 1 meter dengan antena pemancar lain atau ekzos enjin.</p> <p>Tidak dibenarkan mengecat pada bahagian antena.</p>
<p><b>B. Kabel Data Dan Pembekal Kuasa.</b></p> <p>1. Kabel antena ke kotak MTU hendaklah dipasang secara terus.</p> <p>2. Gunakan kabel dan alat penyambung yang sama jenis jika penggantian dilakukan</p>		<p>Tidak dibenarkan membuat penyambungan kabel antara antena ke kotak MTU.</p> <p>Tidak dibenarkan membuka paip conduit pendawaiian apalagi cubaan memotong kabel dan menambah saiz.</p>
<p><b>C. Sumber Pembekal Kuasa.</b></p> <p>1. Guna had kuasa yang dibenarkan (Regulated Voltage antara 20V dc - 35V dc).</p> <p>2. Bateri sokongan (backup) perlu diganti antara 3 - 4 tahun.</p>		<p>Tidak dibenarkan mengguna kuasa AC.</p> <p>Tidak dibenarkan memotong bekalan kuasa DC melebihi 48 jam.</p>
<p><b>D. Kotak MTU Dan Tag Keselamatan (Seal).</b></p> <p>1. Perlu dipasang dalam kawasan terkawal dan tidak dibenarkan pindah kedudukan sebelum diberitahu kepada pembekal.</p> <p>2. Pastikan kotak MTU sentiasa dalam keadaan asal.</p>		<p>Membuka atau memotong Tag Keselamatan Kotak MTU tidak dibenarkan sama sekali melainkan untuk pembaikan oleh mereka yang ditauliahkan (Pembekal).</p>



No.	Perkara yang perlu dilakukan (Do)	Perkara yang dilarang (Don't)
<b>E.</b> 1. 2. 3. 4.	<b>Status Lampu LED</b> PWR (Merah) - menunjukkan bekalan kuasa dalam keadaan ON. BATT(Merah) - menunjukkan bateri sokongan dalam keadaan baik. LINK (Hijau) - menunjukkan perhubungan dengan satelit telah berjaya dan dalam keadaan ON. ACT (Hijau) - menunjukkan perhubungan sedang berjalan dan dalam keadaan berkelip	Sekiranya lampu LED tidak berkeadaan seperti yang ditunjukkan, pengendali vesel (end user) perlulah menghubungi pembekal atau pegawai perikanan yang hampir dengan segera.

[Sila hubungi Bahagian Kejuruteraan di talian 03-8870 4000 jika terdapat sebarang pertanyaan.]

Disediakan oleh :  
Bahagian Kejuruteraan  
Jabatan Perikanan Malaysia  
Putrajaya  
Julai 2011